

## **HUKUM ISLAM: ANTARA PRINSIP SYARIAH DAN PERBENDAHARAAN FIQH**

**MOHD SAIBA BIN YAACOB**

**Tesis Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Keperluan  
Ijazah Sarjana Syariah**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510575185

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2000**

**ABSTRAK**

Tesis ini bertajuk **Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh**. Ia bertolak daripada satu andaian bahawa syariah mempunyai beberapa prinsip penentuan hukum yang tertentu, di mana pembinaan sesuatu kaedah ijтиhad oleh *fuqahā'* dalam memperincikan sesuatu hukum *furū'* telah dibuat berpandukan prinsip-prinsip umum yang terdapat di dalam syariah (*al-Qur'an* dan *al-Sunnah*) sendiri. Untuk mencapai kesimpulan akademik yang munasabah, tesis ini cuba mengenalpasti dan memberikanuraian kepada prinsip-prinsip umum syariah dalam penentuan hukum, metodologi syariah dalam penerapan hukum pada zaman penurunan wahyu, *maqāṣid al-shari'ah* dan hubungannya dengan beberapa kaedah ijтиhad yang dibicarakan di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*. Kajian ini kemudiannya diteruskan dengan membuat penyelidikan terhadap beberapa kes yang telah diijtihadkan oleh Rasulullah s.a.w, *fuqahā'* sahabat, *tābi'iñ* dan para imam mazhab serta beberapa persoalan yang diikhtilafkan oleh *fuqahā'* *mujtahidin*. Natijahnya, tesis ini dapat membuktikan bahawa kaedah-kaedah ijтиhad yang digunakan oleh semua *fuqahā'* dalam mengistinbātkan sesuatu hukum *furū'* adalah bersumber daripada *uṣūl tafsīliyyah*, prinsip-prinsip umum dan objektif syariah yang sudah terkandung di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sendiri. Manakala kelahiran hukum-hukum yang diikhtilafkan pula adalah berpunca daripada kewujudan dalil-dalil yang bertentangan dalam pelbagai persoalan yang tidak diperincikan oleh syariah secara *qat'i*. Bertitik tolak daripada perubahan realiti dan kemaslahatan hidup semasa pula, tesis ini cuba mengemukakan batasan, prinsip dan kaedah-kaedah yang boleh dijadikan landasan dalam penentuan hukum Islam semasa.

## ABSTRACT

Title: Islamic Ruling: Between Principles of Shariah and Clasical Works of Fiqh. This dissertation begins with an assumption that Shariah has certain principles in deriving such a ruling (*hukm*) and formation of methods of *ijtihad* by *fuqaha* in explaining in details of positive laws had been done based on general principles mentioned in the Quran and Sunnah. The dissertation attempts to identify and elaborate in further details several matters. They are i) the general principles of Shariah ii) methodology of Shariah in applying ruling during the Propet's period iii) the purpose of Shariah (*maqasid al-shari'ah*) and iv) their relation to methods of *ijtihad* which are commonly discussed in the dicipline of *usul al-fiqh*. In addition, it also attempts to examine cases determined by *ijtihad* by the Propet, the Companions, the Successors and Imam of madhahib. As well as to discuss the disagreement matters among *mujtahidin*. Therefore, this dissertation proves that methods of *ijtihad* applied by *fuqaha* in deriving positive laws are in fact come from detailed *nas* (*muṣūṣ tafsīliyyah*), general principles as well as of *maqasid al-Shariah* existed in the Quran and Sunnah itself. And as far as the emergence of disagreed rulings are concerned, they are resulted from the existing contradictory evidence of proofs in which the Shariah did not explain in details. And as far as the changes of contemporary life's realities and its importance, this dissertation tries to advance factors leading to contemporary *ijtihad*. Furthermore it underlines limitation, principles and methods can be utilised to promote or determine Islamic contemporary rulings.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَبْيَاءِ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Abdul Karim Ali di atas segala pandangan, tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan di sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini. Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid selaku pensyarah dan Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah berkenan melapangkan masa untuk berbincang dengan penulis dalam menentukan tajuk, pembahagian bab dan beberapa fakta yang perlu diketengahkan di dalam tesis ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang akan membala budi dan jasa di atas dengan sebaik-baik balasan.

Penulis juga mengalungkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada isteri tersayang, Wan Marina Wan Yunus yang sama-sama menempuh banyak kesukaran selama mendampingi penulis di sepanjang penyiapan tesis ini dan dalam memberikan didikan kepada anakanda Aminah Farhana dan Abdullah al-Fatih. Khusus untuk bonda yang tercinta, penulis mengabadikan doa restu yang berpanjangan dan penghargaan yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan dan keikhlasannya dalam memberikan didikan kepada penulis. Begitu juga kepada al-marhum ayahanda (meninggal dunia pada 24hb. Disember 1976M) yang amat dirindui. Semoga Allah s.w.t mempertemukan kita di dalam syurgaNya, Amin.

Akhirnya penulis mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya khususnya para pensyarah dan ketua Jabatan Fiqh Dan Usul, di atas segala bantuan dan keprihatinan yang telah diberikan. Terima kasih juga kepada pihak Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Akademi Islam dan Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Dr. Abdul Karim Ali, ustaz Ridzwan Ahmad, Azizi Che Seman, Mohd Zaidi Abdul Rahman dan lain-lain yang telah meminjamkan kepada penulis pelbagai bahan rujukan yang bermutu di sepanjang penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada keluarga saya dan para sahabat seperjuangan yang telah memberikan apa sahaja bantuan dan sokongan moral, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan mendoakan agar Allah s.w.t melimpahkan pahala dan ganjaran yang sebaik-baiknya. Amin.

## **KAEDAH TRANSLITERASI**

## 1. Konsonan

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	.
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k

**HURUF RUMI****HURUF ARAB**

ج	l
م	m
ن	n
و	w, u
ه	h
ء	,
ي	i, y
ك	h
ة	

**2. Vokal****a. Pendek**ا aي iأ u**b. Panjang**ا āي īأ ū**c. Diftong**أي ayاو aw**Catatan**

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui *Kamus Dewan* tidak ditransiliterasikan seperti syariah, syarak, hukum, mukallaf, kadi, fatwa, mufti, ijтиhad, mujtahid, nas, Rasulullah, hadas, hadis, fardu, asar, zohor; subuh, isyak, ulama, imam, ikhtilaf, baligh, salat, haid dan nifas kecuali apabila perkataan di atas digunakan dalam frasa Arab seperti *al-shari'ah*, *shar'iyyah*, *al-fatwā*, *ijtihādiyyah*, *al-hadīth*, *al-mukallafin*, *al-Qādī*, *al-Imām*, *ijtihād inshā'i* dan lain-lain.

## **SENARAI SINGKATAN**

Dr.	Doktor Falsafah
ed.	edited by (disunting oleh)
H	Tahun Hijrah
M	Tahun Masihi
Ibid.	Ibidem: Pada tempat yang sama
m.s.	muka surat
op. cit.	opere citato: Dalam karya tersebut
peny.	penyunting
Prof.	Profesor
r.a	Rađiya Allāh ‘Anh/ ‘Anhā/ ‘Anhumā/ ‘Anhum/ ‘Anhunn
s.a.w	Šalla Allāh ‘Alayh wa Sallam
s.w.t	Subḥānahu wa Ta‘ālā
t.t	tanpa tahun
T. pt.	tanpa penerbit
t. tp.	tanpa tempat
terj.	terjemahan

**KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>KAEDAH TRANSLITERASI</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	viii
<b>PENDAHULUAN</b>	xvi
1. Permasalahan Kajian	xix
2. Hipotesis Kajian	xxi
3. Objektif Kajian	xxii
4. Skop Kajian	xxiii
5. Kepentingan Kajian	xxix
6. Kajian-kajian Yang Lalu	xxv
7. Metodologi Kajian	xxxi

**BAB 2****SYARIAH SEBAGAI PRINSIP DALAM PENENTUAN HUKUM**

<b>2.1. PENGERTIAN SYARIAH</b>	<b>062</b>
2.1.1. Pengertian Bahasa	064
2.1.2. Pengertian Istilah	065
2.1.3. Hubungan Di Antara Dua Pengertian	070
<b>2.2. PRINSIP SYARIAH DALAM PENENTUAN HUKUM</b>	<b>072</b>
2.3.1. Pengertian Prinsip	072
2.3.2. Pandangan Para Sarjana	074
2.3.3. Prinsip-prinsip Umum Syariah	080
i. Memelihara Kemaslahatan Sejagat	080
ii. Tiada Kesempitan	085
a. Ibadat	087
b. Adat	090
c. Muamalat	092
d. <i>Munakahāt</i>	092
e. Jenayah	093
iii. Mengambilkira <i>Wāqi'</i> (Realiti)	096
a. Fitrah Kemanusiaan	096
b. Adat Masyarakat	101
c. Realiti Semasa	105
iv. Mempastikan Keadilan Sejagat	108

<b>2.3. METODOLOGI SYARIAH DALAM PENERAPAN HUKUM</b>	<b>117</b>
2.3.1. Beransur-ansur Menurut Realiti Dan Kemaslahatan	118
2.3.2. Memberikan ' <i>Illa</i> h Hukum	122
i. Pengertian ' <i>Illa</i> h	124
ii. Hukum-hukum Yang Di ' <i>illa</i> hkan	127
2.3.3. Membezakan Hukum-hukum Yang Tegar Daripada Yang Anjal	131
i. Bukti Dari <i>al-Qur'an</i>	132
ii. Bukti Dari <i>al-Sunnah</i>	135
<b>2.4. MAŞLAHAH: KONSEP DAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI NERACA HUKUM</b>	<b>139</b>
2.4.1. Konsep <i>Maslahah</i>	139
i. Pengertian <i>Maslahah</i>	139
ii. Pembahagian <i>Maslahah</i>	141
2.4.2. Kedudukan <i>Maslahah</i> Sebagai Neraca Hukum	145

### BAB 3

#### **PERBENDAHARAAN *FIQH*: KONSEP DAN LATAR BELAKANG PEMBINAAN**

<b>3.1. Pengertian <i>Fiqh</i> Dan Hubungannya Dengan Perbendaharaan <i>Fiqh</i></b>	<b>151</b>
3.1.1. Pengertian <i>Fiqh</i>	152
i. Pengertian Bahasa	152
ii. Pengertian Istilah	158
3.1.2. Hubungan Di Antara <i>Fiqh</i> dan Perbendaharaan <i>Fiqh</i>	165

3.2. Pembinaan Hukum Pada Zaman Rasulullah	171
3.2.1. Ijtihad Rasulullah	171
i. Memperincikan Hukum Berpandukan <i>Nuṣūṣ Tafsīliyyah</i>	173
ii. Ijtihad Berdasarkan <i>Qiyās</i>	176
iii. Ijtihad Berdasarkan Prinsip Umum Syariah	181
3.2.2. Ijtihad Para Sahabat Pada Zaman Rasulullah	189
i. Ijtihad Yang Berkaitan Dengan Hukum <i>Furū'</i>	189
ii. Ijtihad Dalam Bidang <i>Qadā'</i>	195
3.3. PEMBINAAN HUKUM SESUDAH ZAMAN RASULULLAH	201
3.3.1. Pembinaan Hukum Pada Zaman Sahabat	201
i. Metodologi Ijtihad <i>Fuqahā' Sahabat</i>	201
ii. Ijtihad <i>Fuqahā' Sahabat</i>	209
a. Ijtihad Berdasarkan <i>Nuṣūṣ Tafsīliyyah</i>	209
b. Ijtihad Berdasarkan <i>Qiyās</i>	217
c. Ijtihad Berdasarkan Prinsip Umum Syariah	224
3.3.2. Pembinaan Hukum Pada Zaman <i>Tābi'īn</i>	230
i. Kelahiran Dua Aliran Ijtihad	230
ii. Sumbangan <i>Fuqahā' Tābi'īn</i>	237
a. Melakukan Usaha-usaha Pengumpulan	237
b. Berijtihad	239
3.3.3. Pembinaan Hukum Pada Zaman Para Imam Mazhab	246
i. Perbezaan Metodologi Ijtihad Sebagai Asas Kelahiran Mazhab <i>Fiqh</i>	248
ii. Sikap Abū Hanīfah Dan al-Shāfi'i Terhadap <i>Maslahah Mursalah</i>	256
iii. Bagaimana Ijmak Boleh Tercapai	259
iv. Penulisan Pada Zaman Ini	261

3.3.4. Pembinaan Hukum Pada Zaman Taklid	264
i. Zaman Sebelum Kejatuhan Baghdād	265
ii. Zaman Sesudah Kejatuhan Baghdād	272
3.4. IKHTILAF <i>FUQAHĀ'</i> : KONSEP DAN PUNCA	277
3.4.1. Konsep Ikhtilaf	277
3.4.2. Punca Ikhtilaf <i>Fuqahā'</i>	281
i. Ikhtilaf Dalam Memahami Pengertian Nas <i>al-Qur'ān</i>	282
ii. Ikhtilaf Yang Berkaitan Dengan <i>al-Sunnah</i>	287
iii. Ikhtilaf Kerana Ketiadaan Nas	298
3.4.3. Ikhtilaf Di Kalangan Para Imam Mazhab	302
<b>BAB 4</b>	
<b>PENENTUAN HUKUM ISLAM SEMASA: HUBUNGANNYA DENGAN PRINSIP SYARIAH DAN PERBENDAHARAAN FIQH</b>	
4.1. KEPERLUAN KEPADA IJTIHAD SEMASA	308
4.1.1. Tidak Semua Hukum Diperincikan	308
4.1.2. Keperluan <i>Mentarjīḥkan</i> Pendapat Yang Diikhtilafkan	310
4.1.3. Terdapat Hukum Yang Dibina Berdasarkan <i>Maslahah</i> Semasa	312
4.2. BATASAN HUKUM YANG MENERIMA PENTAFSIRAN SEMASA	316

<b>4.3. PRINSIP PENENTUAN HUKUM ISLAM SEMASA</b>	<b>333</b>
<b>    4.3.1. Prinsip Penentuan Hukum Semasa Dalam Persoalan         Yang Tidak Dinaskan</b>	<b>335</b>
i. <i>Maṣlahah</i> Hendaklah Bersesuaian Dengan <i>Maqāṣid al-Shari‘ah</i>	339
ii. <i>Maṣlahah</i> Hendaklah Berkaitan Dengan Persoalan Muamalat	343
iii. <i>Maṣlahah</i> Bertujuan Untuk Memelihara <i>Maṣlahah Darūriyyāt</i> Atau Untuk Mengangkat Kesempitan	344
<b>    4.3.2. Prinsip Penentuan Hukum Semasa Dalam Persoalan         Yang Dinaskan</b>	<b>347</b>
i. Mengambilkira Fakta Sesuatu Nas	347
ii. Mengambilkira ‘Illaḥ Hukum	350
iii. Mengambilkira <i>Maṣlahah</i> Yang Lebih Utama	354
iv. Mengabaikan <i>Rukhsah</i> Untuk Menolak <i>Mafsadah</i>	355
v. Menggandakan Hukuman Jenayah Berasaskan Objektif Pensyariatan Hukum	356
<b>4.4. KAEADAH PENENTUAN HUKUM ISLAM SEMASA</b>	<b>359</b>
<b>    4.4.1. Perubahan Hukum Menurut ‘Urūf Dan <i>Maṣlahah</i></b>	<b>362</b>
<b>    4.4.2. <i>Ijtihād Intiqā‘i</i></b>	<b>370</b>
i. Mengambilkira Fakta Nas	371
ii. Realiti Dan Kemaslahatan Semasa	373
iii. Pembuktian Kajian Sains	375
<b>    4.4.3. <i>Ijtihād Inshā‘i</i></b>	<b>376</b>
i. Mengambilkira ‘Illaḥ Hukum	378
ii. Memperluaskan ‘Illaḥ Hukum	379
iii. Mengambilkira Fakta Sesuatu Nas	380
<b>PENUTUP</b>	<b>383-389</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>390-403</b>

## PENDAHULUAN

“Hukum”, menurut para ulama *uṣūl al-fiqh* biasanya ditakrifkan sebagai “*Khitāb* Allah yang berkaitan dengan perbuatan para mukallaf dalam bentuk *iqtidā’* atau *takhyīr* atau *waq’iyyah*.<sup>1</sup> Pengertian di atas jelas menunjukkan bahawa sumber hukum Islam adalah wahyu Allah yang terkandung sepenuhnya di dalam *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*.

Bagaimanapun, hukum-hukum yang terkandung di dalam kedua-dua sumber di atas tidak dapat difahami melainkan oleh *fuqahā’*. Ini kerana syariah Islam hanya mendatangkan nas-nas hukum secara terperinci dalam persoalan yang tidak mengalami perubahan akibat daripada perubahan masa, tempat, adat dan keadaan seperti urusan ibadat, perkahwinan dan beberapa persoalan yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan umum. Kebanyakan nas-nas yang berbentuk *juz’i* (*muṣūṣ tafsīliyyah*) pula telah didatangkan dalam uslub yang boleh menerima beberapa kefahaman dan pentafsiran.<sup>2</sup>

Selain itu, syariah Islam juga mempunyai prinsip mengambil kira keadaan darurat, keuzuran *shar’i* dan suasana-suasana tertentu dengan cara menggugurkan

<sup>1</sup> Sila lihat muka surat 14.

<sup>2</sup> Yusuf al-Quradāwī (Dr.) (1988). *Bayyinat al-Hall al-Islāmī wa Shuhūt al-‘Almāniyyīn wa al-Mutagharrībīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah. m.s. 75.

hukum atau meringankannya. Bertepatan dengan hakikat inilah lahirnya prinsip “Perubahan fatwa menurut perubahan zaman, tempat, keadaan dan adat”.<sup>3</sup>

Tambahan lagi, *al-Sunnah* yang merupakan sumber hukum yang kedua pula kebanyakannya bersifat *zanni* dari aspek periyatannya (*zanni al-thubūt/ al-wurūd/ al-riwāyah*). Ini menyebabkan para *fuqahā'* perlu melakukan penapisan terhadap hadis-hadis yang diterima oleh mereka. Permasalahannya ialah cara penapisan yang digunakan oleh mereka adalah berbeza di antara satu sama lain.

Satu perkara lagi ialah syariah hanya memperincikan sebahagian sahaja daripada persoalan yang berkaitan dengan tindak tanduk para mukallaf. Bagi memenuhi keperluan mengenalpasti hukum-hukum semasa yang mencakupi seluruh kegiatan hidup manusia khususnya dalam bidang muamalah dan *siyāsah shar'iyyah, fuqahā'* telah menggunakan pelbagai metodologi ijtihad. Di sinilah letaknya peranan *qiyās, istihsān, istiṣlāh, 'urf, istiṣhāb* dan beberapa dalil yang lain yang telah digunakan secara meluas untuk memperinci dan memberikan jawaban kepada pelbagai persoalan hukum.<sup>4</sup> Inilah di antara faktor-faktor yang menjadi sebab kepada berlakunya ikhtilaf di kalangan *fuqahā'*. Secara keseluruhannya, kewujudan hukum-hukum yang diijmakkkan adalah terlalu sedikit berbanding dengan hukum-hukum yang telah diikhtilafkan.

Dengan ini, boleh ditegaskan bahawa meskipun hukum Islam pada hakikatnya adalah bersumberkan daripada *khiṭāb* Allah yang dilahirkan melalui wahyu, namun sebagai yang difahami oleh *fuqahā'*, ia turut mengandungi beberapa unsur yang lain khususnya keilmuan, mentaliti dan metodologi *fuqahā'* yang berkenaan, realiti hidup dan kemaslahatan di mana hukum itu difahami.<sup>5</sup>

Faktor-faktor di atas menjadikan sebilangan daripada hukum-hukum yang telah diijtihadkan oleh *fuqahā'* terdahulu sebagaimana yang terkandung di dalam perbendaharaan fiqh tidak bersifat *qaṭ'i*, tetapi sebaliknya bersifat *zanni*, di mana usaha-usaha pentarjihan perlu dilakukan untuk mengenalpasti pendapat yang mempunyai dalil dan hujah yang paling kuat atau lebih bertepatan dengan *maqāṣid al-shari'ah*. Di samping mengenalpasti hukum-hukum yang menerima perubahan akibat perubahan kemaslahatan, ijtihad baru juga perlu dilakukan untuk memberikan jawaban kepada pelbagai persoalan semasa yang tidak pernah difatwakan oleh *fuqahā'* terdahulu.

## 1. PERMASALAHAN KAJIAN

Penurunan syariah Islam 'sebagaimana yang terkandung di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* adalah bertujuan untuk membawa rahmat kepada seluruh alam.<sup>6</sup> Bagaimanapun, syariah hanya terdiri daripada beberapa prinsip umum dan nas-nas yang terperinci bagi sejumlah persoalan yang terhad. Dalam hal ini, sekurang-kurangnya terdapat empat permasalahan iaitu:

1. *Al-Qur'an* dan *al-Sunnah* merupakan sumber hukum yang bersifat mutlak dan abadi. Persoalannya ialah kenapa tidak semua hukum-hukum syarak bersifat mutlak dan abadi tetapi sebaliknya terdapat sebilangan hukum yang boleh mengalami perubahan seperti hukum yang memperuntukkan bahagian zakat kepada golongan *al-mu'allafah qulūbuhum* dan unta yang berkeliaran tanpa tuan.
2. Adakah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* telah menyediakan sebarang prinsip dan kaedah yang boleh digunakan oleh *fiqahā'* bagi mengenalpasti hukum-hukum yang bersifat anjal daripada hukum-hukum yang bersifat tegar. Adakah prinsip dan kaedah ijtihad yang digunakan oleh *fiqahā'* dalam mengistinbat dan memperincikan sesuatu hukum *fīrū'* sehingga melahirkan

---

<sup>5</sup> Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* (cetakan kedua). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, m.s. 17.

<sup>6</sup> *Al-Qur'an*, surah al-Anbiyā' (21): 107.

suatu perbendaharaan *fiqh* yang amat menakjubkan itu diambil dari luar *syariah* ataupun ianya telah wujud di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sendiri? Adakah perbezaan pendapat (ikhtilaf) dan kelahiran beberapa mazhab fiqh berpunca daripada perbezaan realiti dan kemaslahatan pada sesuatu tempat dan zaman ataupun ia berpunca daripada sebab-sebab yang lain?

3. Sehubungan dengan persoalan di atas, timbul satu persoalan yang lain iaitu berkenaan kedudukan hukum-hukum *ijtihādiyyah* (perbendaharaan *fiqh*) di sisi syariah. Sekiranya persoalan di atas tidak diberikan jawaban yang tepat, tidak mustahil ramai di antara para pelajar agama sendiri akan menganggap bahawa semua hukum Islam yang wujud di dalam perbendaharaan *fiqh* bersifat mutlak dan abadi (bersesuaian untuk setiap zaman dan tempat) padahal *fiqahā'* terdahulu tidak memperkatakan tentang pelbagai persoalan yang wujud pada zaman ini hasil daripada berlakunya perubahan realiti dan kemaslahatan hidup semasa akibat daripada perkembangan ilmu dan kemajuan.
4. Berikutnya daripada persoalan di atas, terdapat sebilangan umat Islam yang menganggap bahawa hukum-hukum yang terdapat di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* perlu dinilai semula untuk disesuaikan dengan realiti dan kemaslahatan hidup pada zaman moden ini. Permasalahannya ialah tiada sebarang pihak yang berjaya memberikan penjelasan yang memuaskan

berkenaan batasan, prinsip dan kaedah yang perlu dijadikan panduan dalam mengenalpasti sesuatu hukum Islam semasa.

Bertitik tolak daripada empat permasalahan di atas, satu kajian ilmiah perlu dilakukan untuk mengenalpasti prinsip syariah dalam penentuan hukum, kaedah-kaedah yang digunakan oleh *fuqahā'* dalam pembinaan hukum, sebab-sebab ikhtilaf *fuqahā'* dan peranan yang boleh dimainkan oleh para sarjana hukum pada masa kini dalam mengenalpasti sesuatu hukum yang bersifat semasa berpandukan prinsip, batasan dan kaedah yang jelas. Untuk tujuan ini, penulis memilih tajuk '*Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah Dan Perbendaharaan Fiqh*' sebagai asas kajian.

## **2. HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian tesis ini telah dibina berdasarkan hipotesis berikut:

1. Syariah mempunyai beberapa prinsip penentuan hukum yang tertentu, di mana prinsip-prinsip tersebut mempunyai hubungkait yang rapat dengan ilmu *maqasid al-shari'ah* dan semua *fuqahā'* telah membina segala kaedah ijtihad berasaskannya.
2. Konsep keanjalan hukum adalah bersumber daripada prinsip umum syariah sebagaimana yang terkandung di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.

3. Semua kaedah ijtihad yang digunakan oleh para mujtahid sebagaimana yang dibicarakan di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* adalah bersumber daripada *mušūṣ tafsīliyyah*, prinsip-prinsip umum (*al-mabādi’ al-‘āmmah*) dan objektif syariah (*maqāṣid al-shari‘ah*).
  
4. Ijtihad semasa dalam beberapa persoalan amat diperlukan akibat daripada berlakunya perubahan realiti dan kemaslahatan dalam banyak aspek kehidupan pada masa kini.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti prinsip-prinsip umum syariah dalam penentuan hukum berasaskan pelbagai dalil dan hukum-hukum yang telah diperincikan melalui *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*.
  
2. Membuktikan bahawa dalam penerapan sesuatu hukum pada zaman nubuwah, syariah telah mengambil kira semua prinsip umum yang terdapat di dalam *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*.
  
3. Membuktikan bahawa prinsip umum syariah mempunyai hubungan yang rapat dengan ilmu *maqāṣid al-shari‘ah* sebagaimana yang diperincikan

dengan lengkap oleh al-Shāfi‘ī (790H) dan segala kaedah ijtihad yang digunakan oleh *fuqahā'* terdahulu dalam memperincikan pelbagai hukum *furu'* adalah bersumber daripada kefahaman yang mendalam berkenaan *muṣūs*, *mabādi'* dan *maqāṣid al-shari‘ah*.

4. Menganalisa latar belakang pembinaan hukum Islam khususnya dari aspek penggunaan kaedah ijtihad dan sebab-sebab ikhtilaf *fuqahā'* pada zaman sahabat, *tābi‘īn* dan para imam mazhab bagi mengenalpasti sejauh mana nas-nas hukum, prinsip-prinsip umum dan objektif syariah digunakan oleh *fuqahā'* dalam penentuan sesuatu hukum.
  
5. Mengenalpasti batasan, prinsip dan kaedah ijtihad semasa supaya tidak berlaku kesilapan dan penyimpangan dalam sebarang penyelidikan yang bertujuan untuk mengenalpasti hukum Islam semasa.

#### **4. SKOP KAJIAN**

Kajian ini terhad kepada beberapa persoalan yang berikut:

1. Konsep hukum Islam dan hubungannya dengan konsep syariah dan *fiqh*.
  
2. Prinsip-prinsip umum syariah, metodologi syariah dalam penerapan hukum dan kedudukan *maslahah* sebagai neraca hukum.

3. Kaedah pembinaan hukum Islam pada zaman Rasulullah, *khulafā' rāshidīn*, *tābi'iñ* dan para imam mazhab dari kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-jamā'ah*.
4. Konsep dan punca ikhtilaf *fuqahā'* pada zaman sahabat, *tābi'iñ* dan para imam mazhab.
5. Batasan, prinsip dan kaedah penentuan hukum Islam semasa.

## 5. KEPENTINGAN KAJIAN

Di antara sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian ini ialah:

1. Memahami konsep hukum, syariah dan *fiqh*, dan hubungkait di antaranya secara mendalam.
2. Mengajukan perbincangan akademik yang jelas berkenaan prinsip syariah dalam penentuan hukum, metodologi syariah dalam penerapan hukum, *maqasid al-shari'ah* dan hubungannya dengan kaedah-kaedah ijтиhad yang dibicarakan di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*.
3. Memperjelaskan tentang wujudnya hubungan yang rapat di antara prinsip syariah dengan kaedah-kaedah ijтиhad yang digunakan oleh *fuqahā' mujtahidīn* dalam pembinaan hukum pada zaman kegemilangan *fiqh* Islam.

4. Memberikan penjelasan berkenaan konsep dan punca ikhtilaf *fuqahā'* dalam penentuan sesuatu hukum *ijtihādiyyah*.
  
5. Mengemukakan pandangan yang bertanggungjawab berkenaan batasan, prinsip dan bentuk-bentuk ijтиhad yang boleh dijadikan landasan dalam penentuan hukum Islam semasa.

## 6. KAJIAN-KAJIAN YANG LALU

Pada asasnya perbincangan mengenai konsep hukum Islam, prinsip syariah dalam penentuan hukum dan kaedah ijтиhad semasa boleh didapati di dalam kitab-kitab *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id fiqhīyyah* dan *maqāṣid al-shari'ah* dalam pelbagai mazhab. Di antara kitab-kitab penting yang membicarakan tentang persoalan di atas ialah kitab *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* oleh al-Imām al-Ghazālī (505H)<sup>7</sup>, *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām* oleh 'Izz al-Dīn ibn 'Abd al-Salām (660H)<sup>8</sup>, *al-Iḥkām fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qādī wa al-Imām* oleh al-Qarāfī (684H)<sup>9</sup>, *I'lām*

<sup>7</sup> Muhammad ibn Muhammad al-Ghazālī (1993), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* (cetakan ketiga). Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi.

<sup>8</sup> 'Abd al-Aziz ibn 'Abd al-Salam 'Izz al-Din (t.t.), *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

<sup>9</sup> Ahmad ibn Idris al-Qarāfī (1989), *al-Iḥkām fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qādī wa al-Imām*, ed. Abū Bakr 'Abd al-Rāziq. Kaherah: al-Maktab al-Thaqāfi li al-Nashr wa al-Tawzī'.

*al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Ālamīn* oleh Ibn Qayyim (751H)<sup>10</sup> dan *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Shari'ah* oleh al-Shāṭibī (790H).<sup>11</sup>

Sehubungan dengan itu, kitab *Iḥkām fi Tamyiz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qādī wa al-Imām* adalah di antara kitab-kitab *turāth* yang cukup baik dalam membicarakan tentang perbezaan di antara konsep fatwa daripada konsep *qaḍā'* dan hukum yang diputuskan oleh seseorang pemerintah negara.<sup>12</sup> Selain itu, kitab ini juga membicarakan tentang konsep perubahan hukum menurut perubahan adat.<sup>13</sup>

Sementara kitab *I'lām al-Muwaqqi'iñ* pula boleh dianggap sebagai kitab yang paling lengkap dalam memberikan analisa berkenaan kaedah-kaedah pembinaan hukum khususnya berkenaan kehujahan *ḥadīth al-Āḥād, qiyās, maṣlahah, sadd al-dharā'i'* dan konsep perubahan fatwa menurut perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan adat.<sup>14</sup>

<sup>10</sup> Muhammad ibn Abi Bakr Ibn Qayyim (1993), *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed. 'Iṣām al-Dīn al-Sabābiṭī. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

<sup>11</sup> Ibrāhīm ibn Mūsā al-Shāṭibī (t.t.), *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Shari'ah*, ed. 'Abd Allāh Darrāz, Muhammad 'Abd Allāh Darrāz dan 'Abd al-Salām 'Abd al-Shāfi'ī Muḥammad. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

<sup>12</sup> Ahmad ibn Idrīs al-Qarāfī (1989), *op. cit.*, m.s. 27-29 dan 54-57.

<sup>13</sup> *Ibid.*, m.s. 111-112.

<sup>14</sup> Muhammad ibn Abi Bakr Ibn Qayyim (1993), *op. cit.*, juzu' 3, m.s. 5 dan seterusnya.

Manakala kitab *al-Muwāfaqāt* pula boleh dinilai sebagai rujukan yang paling lengkap dan menyeluruh dalam membincarakan tentang konsep pembinaan hukum berdasarkan *maqāṣid al-shari‘ah*.

Perbahasan di atas diteruskan lagi oleh para sarjana semasa. Melalui buku *al-Fikr al-Qānūni al-Islāmi Bayn Uṣūl al-Shari‘ah wa Turāth al-Fiqh*, Fathī ‘Uthmānī menjelaskan bahawa hukum-hukum ibadat, muamalat, *munākahāt*, jenayah, *qaḍā’* dan hubungan antarabangsa Islam yang terkandung di dalam perbendaharaan *fiqh* adalah bersumber daripada beberapa prinsip utama syariah iaitu *maṣlahah*, tiada kesempitan dan keadilan. Ia seterusnya menjelaskan bahawa sebilangan daripada hukum-hukum *fiqh* adalah bersifat anjal, di mana ia boleh menerima perubahan menurut perubahan *maṣlahah*. Buku ini menegaskan juga bahawa penentuan hukum semasa hanya boleh dilakukan apabila ia bersesuaian dengan *maqāṣid al-shari‘ah*, kemaslahatan umat Islam, uslub bahasa Arab yang terdapat di dalam *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*, *uṣūl al-fiqh* dan kaedah mantik yang betul.<sup>15</sup> Buku ini bagaimanapun tidak memberikan penjelasan berkenaan batasan, prinsip dan kaedah penentuan hukum Islam semasa.

Manakala melalui buku *Shari‘ah al-Islām Ṣalihah li al-Taṭbiq fī Kull Zamān wa Makān*<sup>16</sup> pula Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah mengemukakan pelbagai bukti yang

<sup>15</sup> Fathī ‘Uthmānī (t.t), *al-Fikr al-Qānūni al-Islāmi Bayn Uṣūl al-Shari‘ah wa Turāth al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah Wahbah, m.s. 44-45.

<sup>16</sup> Yusuf al-Qaradawi (Dr.) (1997). *Shari‘ah al-Islām Ṣalihah li al-Taṭbiq fī Kull Zamān wa Makān* (cetakan kelima). Kaherah Maktabah Wahbah.

menunjukkan bahawa syariah Islam adalah sesuai untuk dilaksanakan pada semua tempat dan zaman. Buku ini seterusnya menjelaskan bahawa ijtihad semasa amat diperlukan dalam penentuan hukum Islam semasa. Sehubungan dengan keperluan tersebut, buku ini menjelaskan tentang kaedah yang perlu digunakan dalam membuat penilaian terhadap *muṣūṣ al-shari‘ah* dan mentarjihkan sesuatu pendapat yang diikhtilafkan oleh *fuqahā’* terdahulu beserta dengan pelagai contoh ijtihad yang meliputi *ijtihād intiqā’ī* dan *ijtihād inshā’ī*. Buku ini amat membantu penulis dalam membicarakan tentang kaedah penentuan hukum Islam semasa.

Sementara melalui buku *al-Ijtihād al-Mu‘āṣir Bayn al-Indibāṭ wa al-Insfirāṭ*<sup>17</sup> pula Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī menjelaskan bahawa ijtihad semasa amat perlu dilakukan pada zaman ini khususnya dalam bidang muamalat dan perubatan. Buku ini membicarakan tentang pelbagai aspek yang boleh diambilkira dalam penentuan hukum Islam semasa beserta dengan pelbagai contoh ijtihad semasa yang berkaitan dengan *ijtihād intiqā’ī*, *ijtihād inshā’ī* dan *al-Ijtihād al-Jāmi‘ Bayn al-Intiqā’ wa al-Inshā’*. Selain daripada membicarakan tentang beberapa bentuk penyelewengan yang perlu dihindari dalam penentuan hukum Islam semasa, buku ini menjelaskan bahawa ijtihad semasa hendaklah dilakukan menurut pendekatan yang sederhana iaitu dengan mengambilkira *muṣūṣ al-shari‘ah* dan memelihara kehendak *maqāṣid al-shari‘ah*, bukannya dengan cara mengikat diri kepada sesuatu mazhab atau menentukan hukum menurut pengertian zahir sesuatu nas atau bersikap melampau dalam mengambilkira

---

<sup>17</sup> Yusuf al-Qaradawi (Dr.) (1998). *al-Ijtihād al-Mu‘āṣir Bayn al-Indibāṭ wa al-Insfirāṭ* (cetakan kedua). Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

*maqāṣid al-shari‘ah* sehingga mengutamakan *maṣlahah* lebih daripada nas-nas syarak atau terpengaruh dengan realiti semasa. Buku ini amat membantu penulis dalam menyempurnakan kajian ini khususnya di dalam bab yang keempat.

Di antara kajian yang mempunyai kaitan rapat dengan tesis ini ialah kertas kerja yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar yang bertajuk “*Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah Dan Perbendaharaan Fiqh*”. Selain daripada mengemukakan tiga kategori prinsip perundangan Islam,<sup>18</sup> beliau telah merumuskan bahawa semua hukum Islam adalah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan hidup manusia di dunia dan di akhirat sebagaimana yang berjaya dibuktikan secara mantap oleh al-Shāṭībī (790H). Apa yang menarik ialah kertas kerja ini cuba mencetuskan persoalan sama ada ilmu *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id fiqhīyyah* dan *nazariyyāt fiqhīyyah* merupakan prinsip-prinsip syariah atau pun tidak. Selain itu, ia turut membuat perbandingan di antara prinsip perundangan Islam dengan prinsip perundangan Barat dan menjelaskan tentang kepentingan kaedah *al-istiqrā'* (induktif) yang digunakan oleh *fuqahā' Ḥanafiyah* dalam pembinaan mazhab. Kertas kerja ini akhirnya menyimpulkan bahawa prinsip-

<sup>18</sup> Tiga kategori prinsip perundangan yang dimaksudkan di atas ialah pertama, prinsip perundangan yang ditentukan secara jelas oleh sesuatu nas syarak atau ijmak seperti *al-kharāj bi al-damān*, *al-ghurm bi al-ghumm* dan *al-ni'mah bi qadr al-niqmah*. Kedua, prinsip perundangan yang dipetik berdasarkan hikmah teks perundangan seperti prinsip perundangan kepada kes-kes tidak cukup umur ialah ketidakupayaan untuk memahami maksud dan kesan sesuatu kontrak dalam kes-kes mal. Ketiga, prinsip perundangan yang diperkenalkan oleh para juris yang tidak ada sandaran langsung kepada teks atau hikmah perundangan yang dikenali sebagai *mursal*, di mana ia masih lagi berbentuk *munāsib* dan *mulā'i'm* iaitu selari dengan objektif dan hikmah perundangan. Sila lihat: Mohd Daud Bakar (Prof. Madya Dr.) “*Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah Dan Perbendaharaan Fiqh*” di dalam: Abdul Karim Ali (Dr.) dan Raihanah Hj. Azahari (peny.) (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. m.s. 24-27

prinsip syariah masih belum didokumenkan di dalam satu koleksi yang tertentu. Ia seterusnya menjelaskan bahawa proses induktif dan deduktif amat perlu dijadikan proses yang seimbang dan selari dalam kegiatan dan aktiviti perundangan Islam semasa sama ada melibatkan penulisan fekah yang berbentuk akademik, kegiatan fatwa mahupun dalam penghakiman di mahkamah syariah. Memandangkan kajian ini ditulis secara ringkas, maka penjelasan berkenaan kaedah penentuan hukum Islam semasa berpandukan prinsip syariah dan perbendaharaan fiqh tidak dapat dikemukakan secara terperinci.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian di atas, tesis ini cuba memberikan penjelasan yang lebih terperinci berkenaan beberapa persoalan yang berkaitan dengan hukum Islam khususnya berkenaan prinsip syariah dalam penentuan hukum, hubungan di antara prinsip dan *maqāṣid al-shari‘ah* dengan kaedah-kaedah ijtihad, dan juga berkenaan batasan, prinsip dan beberapa kaedah yang boleh dijadikan landasan ijtihad dalam penentuan hukum Islam semasa.

## **7. METODOLOGI KAJIAN**

Dalam menyempurnakan penulisan ini, metodologi kajian yang digunakan ialah:

### **1. Metod Pengumpulan Data**

Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan kajian perpustakaan. Berasaskan jenis kajian ini, penulis telah mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan merujuk kitab-kitab yang muktabar sama ada daripada sumber primary maupun sumber secondary. Kedua-dua sumber ini diperolehi daripada hasil-hasil tulisan ulama silam dan semasa khususnya yang berkaitan dengan ilmu *uṣūl al-fiqh*, *fiqh*, *maqāṣid al-shari‘ah* dan *qawā'id fiqhīyyah*.

### **2. Metod Penganalisaan Data**

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metod historis, induktif, deduktif dan komparatif.

#### **a. Metod Historis**

Metod ini telah digunakan sepenuhnya oleh penulis khususnya dalam menganalisa data-data yang berhubungkait dengan latar belakang kelahiran perbendaharaan *fiqh*.

### **b. Metod Induktif**

Berasaskan metod ini, penulis telah menganalisa data-data yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Sebagai contoh, berpandukan pelbagai hukum yang terdapat di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, penulis telah merumuskan bahawa terdapat tiga metodologi utama syariah dalam penerapan hukum iaitu “beransur-ansur menurut realiti dan kemaslahatan”, “memberikan ‘illah hukum” dan “membezakan hukum-hukum yang tegar daripada yang anjal”.<sup>19</sup>

### **c. Metod Deduktif**

Berasaskan metod ini, penulis telah menganalisa data-data yang bersifat umum untuk mencari sesuatu kesimpulan yang bersifat khusus. Berpandukan sebilangan hukum yang telah ditafsirkan semula oleh *fuqahā'* *Sahabat*, *Tabi'iin* dan para imam *mujtahidin* contohnya, penulis telah merumuskan bahawa hukum-hukum yang menerima pentafsiran semasa adalah terbatas kepada hukum-hukum yang ditentukan oleh syarak berasaskan *turf* dan kemaslahatan semasa sahaja.<sup>20</sup>

<sup>19</sup> Sila lihat muka surat 117-138.

<sup>20</sup> Lihat muka surat 316-322.

#### d. Metod Komparatif

Berasaskan metod ini, penulis telah membanding, mengkategorisasi dan menyusun pelbagai data dan fakta yang diperolehi untuk membuktikan sesuatu hipotesis. Sebagai contoh, setelah membuat perbandingan terhadap hukum-hukum *fiqh* dan pandangan para sarjana hukum, penulis telah menyimpulkan bahawa terdapat empat prinsip utama syariah dalam penentuan hukum: “memelihara kemaslahatan sejagat”, “tiada kesempitan”, “mempastikan keadilan sejagat” dan “mengambilkira realiti semasa”.<sup>21</sup> Manakala setelah membandingkan pelbagai hasil ijтиhad semasa puja, penulis telah merumuskan bahawa penentuan hukum Islam semasa boleh dilakukan melalui tiga kaedah iaitu sama ada berdasarkan konsep perubahan hukum menurut ‘urf dan maslahah atau ijtihad intiqā’i atau pun ijtihad inshā’i.<sup>22</sup>

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang berasaskan kepada data-data primary dan secondary. Kedua-dua data ini telah dianalisa dengan beberapa kaedah iaitu pensejarahan, analisa teks dan perbandingan. Penggunaan metod-metod ini adalah bertujuan untuk memberikan laporan-laporan yang lengkap dan meyakinkan.

<sup>21</sup> Lihat muka surat 74-116.

<sup>22</sup> Lihat muka surat 362-382.